

Headline	1Borneo nafi dakwaan cuba rasuah SESB		
MediaTitle	Berita Harian (Sabah and Sarawak)		
Date	18 Jul 2018	Language	Malay
Circulation	1,506	Readership	4,518
Section	News	Page No	3
ArticleSize	138 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 3,912		



1Borneo nafi dakwaan cuba rasuah SESB

Kota Kinabalu: Pengurusan pusat beli-belah 1Borneo menafikan dakwaan pihaknya cuba menyogok Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) berkaitan tunggakan bil elektrik yang mencecah lebih RM8.7 juta.

1Borneo Management Corporation (1BMC) dalam kenyataannya, menyifatkan dakwaan itu sebagai tidak berasas.

“Kami dengan tegas menyangkal semua laporan dan dakwaan kononnya seorang pegawai kami cuba menyogok SESB pada 13 Julai (Jumaat) lalu di Wisma SESB.

Masih berunding

“Dalam semua urusan yang berkaitan dengan SESB, hanya dua wakil yang diberi kuasa untuk mewakili 1BMC.

“Memang ada pertemuan dengan seorang pegawai dari SESB pada 13 Julai lalu, tetapi kita menyangkal semua tuduhan rasuah oleh mana-mana wakil yang diberi kuasa,” kata 1BMC dalam kenyataan itu, semalam.

Pengurusan 1BMC turut menjelaskan, kedua-dua wakil pusat beli-belah itu turut terkejut dengan laporan berita berhubung laporan yang diserahkan SESB kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Sabtu lalu, SESB mengeluarkan kenyataan yang mendakwa seorang pegawai dari syarikat utiliti itu membuat laporan bahawa ada cubaan untuk merasauh pegawai terbabit untuk membenarkan bekalan elektrik di pusat beli-belah itu dipulihkan tanpa perlu membayar tunggakan yang diminta SESB.

Bagaimanapun, kenyataan SESB tidak menyebut siapa yang cuba memberikan rasuah itu.

Pihak pengurusan pusat beli-belah itu masih berunding dengan SESB mengenai pelan penyelesaian yang dicadangkan untuk pembayaran bil dan penyambungan semula bekalan elektrik pusat beli-belah itu.

Kelmanin, 1BMC menyerahkan pelan penyelesaian akhir yang dicadangkan kepada SESB, yang kini masih dipertimbangkan oleh syarikat utiliti terbabit.